

Pilih rakyat Sabah berkelayakan

UB 8.6.2017 A3

KOTA KINABALU: Ketua Pegawai Publisiti Parti Liberal Demokratik (LDP) Albert Kok menggesa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) supaya mengkhususkan jawatan naib canselor di Universiti Malaysia Sabah (UMS) kepada rakyat Sabah yang berkelayakan.

Beliau percaya ramai rakyat Sabah mempunyai kelayakan akademik yang diperlukan di samping pengurusan kompeten untuk mengetuai universiti.

Tambahan pula, Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah yang akan bersara dan mantan naib canselor sebegini juga adalah rakyat Sabah.

“Di bawah kepimpinan mereka, UMS telah

► Untuk isi jawatan Naib Canselor UMS



menunjukkan kemajuan yang ketara dalam pendaftaran pelajar dan keputusan akademik.

“Ini membuktikan bahawa

“Di bawah kepimpinan mereka, UMS telah menunjukkan kemajuan yang ketara dalam pendaftaran pelajar dan keputusan akademik. Ini membuktikan bahawa rakyat Sabah mampu mengambil alih peranan sebagai naib canselor UMS”

ALBERT KOK

Ketua Pegawai Publisiti Parti Liberal Demokratik (LDP)

rakyat Sabah mampu mengambil alih peranan sebagai naib canselor UMS,” katanya dalam satu kenyataan akhbar kelmarin.

Albert berkata Kementerian Pengajian Tinggi perlu mengkhaskan jawatan naib canselor untuk Sabah apabila memilih calon sesuai dengan janji Kerajaan Persekutuan untuk membolehkan lebih ramai penduduk Sabah mengetuai jabatan dan agensi kerajaan negeri.

“Saya percaya rakyat Sabah memiliki kemampuan cemerlang jika diberikan peranan itu.

“Kami mempunyai rakyat Sabah yang memegang jawatan dalam kepimpinan tertinggi dalam negara seperti menteri persekutuan, ketua pengarah dan pegawai-pegawai berpangkat tinggi dalam agensi kerajaan Persekutuan,” katanya.

Katanya jawatan naib canselor di UMS secara tradisinya dipegang oleh rakyat Sabah. Ia adalah kata sepakat dan dengan itu sepatutnya tidak ada apa-apa perubahan.

Selain daripada peranan naib canselor, LDP juga berharap lebih ramai rakyat Sabah akan dilantik untuk mengetuai agensi kerajaan Persekutuan di negeri ini, memandangkan perbezaan dalam budaya dan adat antara Sabah dan Semenanjung Malaysia.

“Rakyat Sabah sudah memahami sentimen masyarakat setempat, dan seterusnya meningkatkan kecekapan jabatan atau agensi yang mereka pimpin,” katanya.